

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SELASA, 4 MAC 2025**

PJL04/01/2025

1

No. Soalan: PL03

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI
MOHAMED**

TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Skim Pendidikan Integrasi berkesan dalam menyediakan akses pendidikan setara bagi pelajar berkeperluan khas dengan jumlah yang semakin meningkat. Adakah kerajaan bercadang melibatkan sektor swasta bagi mengurangkan kos, memperkenalkan model sekolah inklusif khas atau meningkatkan insentif kepada sekolah awam bagi menampung keperluan ini.

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Terlebih dahulu koala / saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk koala / saya pada hari ini bagi koala / saya menerangkan beberapa isu dan Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan. Di kesempatan ini koala / saya akan menjawab soalan PL 03 yang diajukan oleh YB Awang Zainol Bin Hj Mohamed mengenai penyediaan akses pendidikan setara bagi pelajar berkeperluan khas dan kebarangkalian Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan pihak swasta dalam menyediakan pelajaran bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas ini. Terima kasih diatas soalan yang diajukan.

Alhamdulillah, salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan iaitu Pengintegrasian mata pelajaran Uagama ke dalam sistem pendidikan umum telah mula dilaksanakan pada 1hb November 2023. Pengintegrasian ini dilihat sebagai satu Transformasi Pendidikan yang membukakan peluang pembelajaran yang lebih holistik dan komprehensif kepada para pelajar di samping mengutamakan Pendidikan Uagama.

Bagi memastikan pelajar berkeperluan khas tidak ketinggalan dalam pelaksanaan Pengintegrasian Pendidikan Uagama ini, pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan antaranya ialah penyediaan buku kurikulum Pendidikan Khas Uagama yang disediakan oleh Unit Pendidikan Khas Uagama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Uagama bagi keperluan pelajar keperluan khas dalam Priority Level 1 hingga 3 sahaja. Kumpulan ini merupakan pelajar berkeperluan khas yang mampu mengikuti kurikulum biasa. Sementara pelajar berkeperluan khas pada tahap tinggi, iaitu mereka yang berada pada Priority Level 4 hingga 5 akan diberikan sokongan khas dan program pembelajaran yang lebih sesuai dengan keupayaan mereka.

Sehubungan itu, bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar berkeperluan khas tahap tinggi yang semakin meningkat sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Alhamdulillah, bermula pada Januari 2024 sebuah Sekolah Khas pertama iaitu Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam telah ditubuhkan dengan jumlah pendaftaran seramai 96 orang. Sekolah Khas ini menyediakan kurikulum yang disesuaikan serta sokongan pakar khas bagi membantu pelajar berkeperluan khas tahap tinggi dalam perkembangan sosial dan kemahiran hidup mereka. Kementerian Pendidikan mengalu-alukan penglibatan lebih banyak lagi sekolah khas swasta yang boleh menyediakan kurikulum khas bagi pelajar-pelajar bekeperluan tahap tinggi ini.

No. Soalan: PL17**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM****TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangannya Kementerian Pendidikan untuk mengemaskini kurikulum bagi mengadaptasikannya dengan perkembangan semasa bagi teknologi, inovasi dan lain-lain, di semua peringkat pembelajaran. Ini mengambil kira beberapa negara jiran telah memperkenalkan mata pelajaran Coding dalam kurikulum sekolah rendah untuk memastikan penuntut-penuntutnya '*industry-ready*,' memandangkan *skill* ini *in-demand* dan *marketable* di mana beberapa sekolah swasta tempatan juga telah melaksanakannya.

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala / saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk koala / saya pada hari ini bagi koala / saya menjawab soalan PL 17 yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai perancangan Kementerian Pendidikan untuk mengemaskini kurikulum bagi mengadaptasikannya dengan perkembangan semasa bagi teknologi, inovasi dan lain-lain, di semua peringkat pembelajaran. Terima kasih di atas soalan yang diajukan. Kementerian Pendidikan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-21 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2025, bagi kita untuk melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor termasuk Pendidikan, dengan mengambil kira kepesatan teknologi.

Dalam hal ini, selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 dan Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan (2023-2027), Kementerian Pendidikan akan terus melaksanakan inisiatif seperti berikut:

- i. Di peringkat sekolah rendah dan menengah, pelajar-pelajar telah didedahkan dengan penggunaan IT dan kemahiran pengkodan (coding) merentas mata-mata pelajaran. Pelbagai program kemahiran teknologi seperti modul-modul latihan “STEAM for Future” juga menawarkan latihan kemahiran coding menggunakan Scratch dan Magnet Code;
- ii. Di peringkat pengajian tinggi, beberapa program ditawarkan yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi digital, merangkumi peringkat sijil sehingga pasca-ijazah termasuk micro-credentials. Program-program ini meliputi pelbagai elemen ICT seperti Artificial Intelligence (AI), Digital Science, Cybersecurity, Cloud and Networking dan Data Analytics.

Alhamdulillah, dengan kemahiran teknologi yang telah awal dipupuk, beberapa pencapaian inovasi telah diraih oleh pelajar-pelajar seperti berikut:

- i. Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2024 yang dimenangi oleh Sekolah Rendah Rimba III, Sekolah Menengah Berakas dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengikut kategori masing-masing;
- ii. Pertandingan Young Inventors Challenge (YIC) di Malaysia dimana Sekolah Menengah Berakas telah menerima anugerah tiga tahun berturut-turut. Semua projek ini terhasil dengan penggunaan coding;
- iii. IBTE telah meraih Pingat Emas dalam bidang kemahiran ‘Internet Marketing’ dalam Belt and Road International Skills Competition 2024;
- iv. Coursera telah menganugerahkan Universiti Brunei Darussalam (UBD) AI Innovation Award for the Asia Pacific Region 2024. Pensijilan pelajar dalam Program Applied Artificial Intelligence (AAI) kendalian School of Digital Science (SDS), UBD ini telah diiktiraf sebagai peneraju dalam pendidikan dan inovasi AI oleh pakar industri IBM dan Google. Selain pelajar, beberapa tenaga akademik institusi pengajian tinggi juga menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa seperti anugerah UL Research Institutes-ASEAN-U.S. Science Prize for Women 2024, anugerah ASEAN-Japan Cyber Security Community Alliance dan anugerah ASEAN Blue Innovation Challenge.

No. Soalan: PL28**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM****TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk meningkatkan prestasi peperiksaan melalui pendekatan baru yang mengambil kira pandangan pihak luar yang berkepentingan dalam negara. Perkara ini mengambilkira prestasi 10 tahun kebelakangan amat mengecewakan yang menunjukkan pelan-pelan tindakan sedia ada tidak berkesan walhal sijil 'O' Level adalah syarat penting untuk melanjutkan pelajaran dan mendapatkan pekerjaan.

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala / saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk koala / saya pada hari ini bagi koala / saya menerangkan beberapa isu dan Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan. Di kesempatan ini koala / saya akan menjawab soalan PL 28 yang diajukan oleh YB Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam yang menanyakan jika Kementerian Pendidikan mempunyai pelan tindakan untuk meningkatkan prestasi peperiksaan melalui pendekatan baru yang mengambil prestasi 10 tahun kebelakangan amat mengecewakan. Terima kasih atas soalan yang diajukan.

Alhamdulillah, **tren pencapaian** pelajar dalam tempoh **sepuluh (10) tahun kebelakangan** bagi peperiksaan O-level sebetulnya secara keseluruhan telah menunjukkan **peningkatan** yang signifikan, berbanding baseline, dan adalah masih dalam lingkungan trajektori. Ini sungguhpun terdapatnya sedikit penurunan pasca 2020 atas sebab **gangguan pembelajaran (learning loss)** sewaktu pandemik COVID. Walaubagaimanapun, jumlah pelajar yang memperoleh 5-O Level ke atas pada tahun 2024 adalah 44.17% dan telah menunjukkan peningkatan sebanyak

0.39%, iaitu daripada 43.78% pada tahun 2023. Penaikan ini diharap akan menjadi permulaan kepada **tren pemulihan** dan akan terus meningkat.

Peningkatan ini juga menunjukkan pelan-pelan tindakan mempunyai kesan positif dan dengan ini, Kementerian Pendidikan akan terus mengekalkan inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan. Dikesempatan ini, kaola/saya ingin menyampaikan penghargaan atas peningkatan dalam pencapaian peperiksaan ini, dan melihatnya sebagai hasil dari usaha gigih pelajar-pelajar dan guru-guru, serta sokongan yang berterusan dari ibu bapa, penjaga, pihak-pihak berkepentingan dan semua lapisan masyarakat

No. Soalan: PL29

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM**
TARIKH : **04.03.2025 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menangani isu bebanan kerja guru yang menjejaskan kualiti pengajaran dan *work-life balance*, demi kemaslahatan guru dan kualiti pendidikan. Perkara ini berdasarkan kaji selidik Ahli MMN mendapati 67% guru mempunyai lebih satu tugas pentadbiran, sementara 46.3% merasakan ia menjejaskan pengajaran.

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala / saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk koala / saya menjawab pertanyaan lisan PL29 yang diajukan. Di kesempatan ini, koala / saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam atas soalan berkaitan usaha Kementerian dalam menangani isu bebanan kerja guru yang menjejaskan kualiti pengajaran dan *work-life balance*, demi kemaslahatan guru dan kualiti pendidikan.

Kementerian Pendidikan sentiasa komited dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan tenaga pengajar terpelihara. Ini merangkumi dari segi aspek fizikal, mental, emosi dan profesional bagi memastikan mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih efisien dan berkesan. Ke arah ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya ialah:

- i. Inisiatif Ideal Number of Teachers (ringkasnya INoT). Inisiatif ini merupakan proses pengemaskinian Sumber Tenaga Pengajar (Teaching Manpower Auditing) yang komprehensif dan bersistematik bagi menilai kesesuaian jumlah tenaga pengajar mengikut keperluan dalam meningkatkan kualiti proses pembelajaran dan pengajaran. Inisiatif ini merangkumi pengemaskinian garis panduan waktu pengajaran (teaching periods); beban bukan mengajar dan tugas pentadbiran

(non-teaching and administrative duties); dan struktur organisasi sekolah serta penghasilan garis panduan jumlah pelajar dalam bilik darjah (class right sizing).

Untuk makluman Yang Berhormat, inisiatif ini telah mula dirintiskan kepada 18 buah sekolah rendah Kerajaan pada tahun 2021. Hasil daripada projek rintis tersebut, seramai 16 orang tenaga pengajar telah berjaya ditempatkan semula ke sekolah-sekolah yang memerlukan. Insha Allah, inisiatif ini akan dilaratkan ke semua sekolah rendah dan menengah, maktab dan pusat tingkatan enam Kerajaan pada tahun ini.

- ii. **Selain itu, Kementerian Pendidikan juga giat melaksanakan Pengambilan tenaga pengajar melalui Program Immersi dan Perantis.** Inisiatif ini bermula pada tahun 2019 dilaksanakan bagi memastikan keperluan tenaga pengajar dipenuhi secara berkesan. Setakat ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pengambilan bagi empat (04) kohot, manakala pengambilan kohot ke lima (05) akan bermula pada tahun 2025. Sejak mula diperkenalkan, jumlah keseluruhan guru Immersi dan Perantis yang menjawat jawatan Pegawai Pelajaran Bergaji Hari adalah seramai 196 orang. Kementerian Pendidikan juga melaksanakan pengambilan guru untuk menampung keperluan, melalui Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SKIPPA).

Dengan adanya inisiatif-inisiatif ini, kaola / saya yakin ianya dapat menangani isu bebanan kerja guru yang sekaligus dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan work-life balance mereka.

No. Soalan: PL6**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED****TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah segera Kementerian dalam menaiktaraf fasiliti, menambah kaunter, serta mempercepatkan pemeriksaan menggunakan teknologi moden bagi memastikan kelancaran di pos kawalan sempadan yang masih mengalami kesesakan teruk dan infrastruktur lama yang tidak lagi menampung jumlah pengguna, bagi memastikan kelancaran tanpa menjejaskan keselamatan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohammed diatas soalan yang diajukan.

Tidak dinafikan kesesakan di pos-pos kawalan imigresen sering berlaku, terutamanya semasa waktu cuti sekolah dan cuti awam. Berdasarkan data purata trafik harian, 3,800 kenderaan telah melalui Pos Kawalan Sungai Tujoh pada hari biasa, manakala jumlah ini meningkat kepada 4,500 kenderaan semasa waktu cuti awam dan cuti persekolahan. Manakala, di Pos Kawalan Kuala Lurah, sebanyak 1,600 kenderaan dan meningkat kepada 1,800. Di Pos Kawalan Labu pula mencatatkan 1,700 kenderaan dan meningkat kepada 2,000. Sementara itu, Pos Kawalan Ujung Jalan merekodkan 1,600 kenderaan dan meningkat kepada 1,800. Kaola sukacita memaklumkan bahawa terdapat juga keadaan di mana barisan kenderaan bertembung dengan kenderaan yang menunggu untuk pemeriksaan di Pos Kawalan Miri yang sekaligus menjejaskan kelancaran pemeriksaan di pospos kawalan yang berkenaan.

Sebagai tindak balas yang berterusan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah mengambil beberapa langkah dalam meningkatkan kecekapan pemeriksaan dan mengurangkan kesesakan iaitu dengan membuat penambahan kaunter-kaunter pemeriksaan seperti di Pos Kawalan Sungai Tujoh dimana sebanyak

enam (6) kaunter perlepasan dan empat (4) kaunter ketibaan yang digunakan pada masa ini. Manakala semasa cuti awam dan cuti persekolahan, penggunaan kaunter-kaunter ini akan diatur mengikut keperluan di mana laluan lencongan akan dibuat bagi mengurangkan kesesakan trafik dengan menggunakan kaunter masuk bagi tujuan pemeriksaan keluar dan sebaliknya.

Sejak tahun 2022, Sistem Kawalan Sempadan (Border Management System, BMS) telah mula digunakan. Sistem ini menggunakan mesin pengimbas pasport yang berteknologi tinggi dan boleh mengimbas satu pasport dalam masa lima (5) saat. Disamping itu, rangkaian perhubungan diantara pos-pos kawalan dengan ibu pejabat adalah menggunakan Fibre Optic yang berkelajuan tinggi. Dalam menangani isu kesesakan ini, penggunaan teknologi sahaja bukanlah satu jalan penyelesaian malah mengoptimalkan penggunaan infrastruktur dan sumber tenaga manusia yang sedia ada juga memainkan peranan yang penting.

Ke arah itu, Kementerian ini juga telah melaksanakan Konsep One-Stop Counter (OSC) sejak tahun 2019 sebagai projek perintis di Pos Kawalan Labu dan seterusnya dilaratkan ke Pos Kawalan Sungai Tujoh pada tahun 2022 iaitu dengan menggabungkan kaunter pemeriksaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Alhamdulillah, dengan pelaksanaan One Stop Counter ini pemeriksaan bagi setiap kenderaan dapat dikurangkan daripada sekitar lebih 5 minit kepada sekitar 2 minit atau kurang. Ini adalah berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat oleh kedua-dua buah agensi yang terlibat dalam projek rintis berkenaan. Salah satu projek yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 adalah dengan menambah lapan (8) buah E-Gate di Bahagian Pemeriksaan Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) dan tiga (3) E-Gate yang digunakan pada masa ini akan ditempatkan di Bahagian Pemeriksaan Berlepas iaitu dalam hasrat untuk mengoptimalkan penggunaan teknologi dalam membuat pemeriksaan tanpa mengkompromi keselamatan.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL38

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan (a) sasaran tahunan penggantian tenaga kerja apabila permit kerja mansuh dan meminta agar pelan tindakan penggantian dan latihan kemahiran untuk disediakan dan diberigakan; dan (b) status levi permit kerja yang dirancang untuk membiayai program kemahiran. Perkara ini adalah berdasarkan kepada data Jabatan Buruh yang menunjukkan peningkatan pekerja asing dari 65,000 (2023) ke 75,000 (2024), terutamanya dalam sektor yang boleh diambil alih oleh penduduk tempatan.

JAWAPAN:

[AKAN DIJAWAB SEBAGAI KENYATAAN MENTERI]

No. Soalan: PL65

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**

TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan dasar kerajaan untuk mengukuhkan institusi keluarga di negara ini dan jika terdapat perancangan bagi pembinaan dewan serbaguna yang dapat dijadikan sebagai tempat perkumpulan yang boleh dipakai untuk meraikan acara-acara adat istiadat, kemasyarakatan dan riadah yang dapat mengukuhkan perpaduan dan kemesraan orang-orang kampung.

JAWAPAN:

[AKAN DIJAWAB SEBAGAI KENYATAAN MENTERI]

No. Soalan: PL33**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM****TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mempercepat pembangunan infrastruktur yang kondusif di kawasan-kawasan strategik yang dikenal pasti bagi tujuan perniagaan untuk belia dan warga emas yang juga menjadi tumpuan pelancong seperti Jerudong, Gadong dan Kupang, yang mana pada masa ini infrastruktur daif di kawasan-kawasan ini menghalang peniaga dari berkembang maju dan menjejaskan imej negara.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam diatas soalan yang diajukan.

Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan dalam mempercepatkan pembangunan infrastruktur yang kondusif di kawasan-kawasan strategik bagi tujuan perniagaan untuk belia dan warga emas yang juga menjadi tumpuan pelancong seperti Jerudong, Gadong dan Kupang. Adalah tidak dinafikan bahawa bangunan-bangunan yang dimaksudkan adalah bangunan yang telah dibina sejak beberapa puluh tahun yang lalu seperti Pasar Jerudong pada tahun 2002, Pasar Gadong pada tahun 1985, manakala Tamu Kupang adalah pada sekitar tahun 1980an. Dengan usia bangunan yang sudah lama, sudah setentunya ianya memerlukan penyelenggaraan yang menyeluruh dan berterusan.

Alhamdulillah, kerja-kerja penyelenggaraan ke atas bangunan-bangunan berkenaan telah dilaksanakan dari masa ke semasa. Bagi Pasar Jerudong kerja-kerja yang telah dilaksanakan adalah seperti penggantian atap, pembaikan tandas-tandas, mengganti pagar besi dan sebagainya serta juga kerja-kerja pembersihan dan mencantas pokok-pokok di sepanjang jalan menuju tempat penurunan perahu. Bagi Pasar Gadong antaranya pembaikan lampu jalan, penutup longkang, pembaikan paip air dan pintu, dan pemecahan struktur terbiar yang telah rosak. Manakala di Tamu

Kupang pula penukaran lampu-lampu gerai telah dilaksanakan sendiri oleh pihak Jabatan.

Setakat yang dapat Kaola kongsikan di dewan Yang Mulia ini, perbincangan telahpun diadakan dengan agensi Kerajaan yang berkenaan dalam usaha untuk menaiktaraf infrastruktur ke atas bangunan-bangunan yang dimaksudkan. Alhamdulillah, sebuah syarikat telah dilantik sebagai Pengurus Fasiliti untuk memastikan keadaan di Pasar Pelbagai Barangan di Gadong dan Tamu Kianggeh yang dikendalikan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan berkeadaan bersih dan kondusif. Dalam masa yang sama, Tamu Selera adalah dalam proses penaiktarafan yang bertujuan untuk memberikan keselesaan kepada peniaga tempatan dan sekaligus menarik pelancong dan orang ramai menjamu selera.

Insha Allah, perkhidmatan pengurusan fasiliti bagi tandas-tandas awam dibawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya, iaitu di pos-pos kawalan, beberapa buah jabatan di Kementerian ini, pasar-pasar di bawah kawalan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, serta dewan di Daerah Tutong akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Tahun Kewangan 2025/2026. Sementara itu, tandas-tandas awam yang lain pada ketika ini adalah diselenggarakan oleh syarikat-syarikat yang dilantik melalui peruntukan Jabatan masing-masing dan Insha Allah, pembersihan dan penyelenggaraan tandas-tandas awam ini akan dimasukkan dibawah satu kontrak Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua

No. Soalan: PL53

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian untuk dapat memudahkan proses permohonan bantuan untuk memastikan data lebih tepat dan bantuan dapat disalurkan dengan lebih efisien kepada mereka yang memerlukan memandangkan satu sebab kelambatan memproses permohonan bantuan adalah pengumpulan dan pengesahan data pemohon dan ianya dapat dikurangkan dengan penglibatan serta peranan Penghulu dan Ketua kampung yang sepatutnya mempunyai maklumat peribadi anak-anak buah di bawah kawalan mereka.

JAWAPAN:

[AKAN DIJAWAB SEBAGAI KENYATAAN MENTERI]

No. Soalan: PL86

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN**

TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan (a) status penyediaan pengangkutan awam, khususnya bas dan keperluan bagi pengangkutan awam yang selamat, efisien, berjadual dan selesa untuk kegunaan orang ramai; dan (b) perancangan dan tindakan Kementerian bagi memastikan usaha untuk membina lagi perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini.

JAWAPAN:

[AKAN DIJAWAB SEBAGAI KENYATAAN MENTERI]

No. Soalan: PL126

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

TARIKH : 04.03.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan modal atau insentif kepada pengendali bas awam untuk memastikan perkhidmatan yang lebih efisien dan dipercayai yang bertujuan untuk mewujudkan situasi 'win-win' antara sektor Kerajaan dan swasta, untuk kelangsungan perkhidmatan yang lebih efisien, berkualiti dan dipercayai.

JAWAPAN:

[AKAN DIJAWAB SEBAGAI KENYATAAN MENTERI]